

JPS bina kolam takungan banjir

SELAYANG - Sebuah projek kolam takungan banjir dengan peruntukan bernilai RM227,000 dilaksanakan Jabatan Pengairan Saliran (JPS) Gombak awal minggu lalu sebagai persediaan musim tengkujuh.

Jurutera Daerah Gombak, Ir Mohd Fuad Buang berkata, usaha itu dijangka dapat menyelesaikan masalah banjir di kawasan hilir iaitu Selayang Indah dan sekitarnya.

Katanya, projek tersebut berada

dalam fasa kedua sambungan daripada fasa pertama melibatkan naik taraf parit tanah kepada konkrit yang selesai 2011 dengan kos RM2.5 juta.

“Fasa kedua dijangka dapat mengurangkan isipadu air dari arah Selayang Mutiara dan sekitarnya sebelum sampai ke penghujung longkang di pasar tani di sini.

“Kelewatan projek berlaku disebabkan masalah teknikal dan dijangka siap hujung bulan ini,” katanya kepada Sinar Harian, semalam.

Sementara itu, Pengerusi JKKK Selayang Baru, Jumari Talip berkata, dia menerima baik usaha yang dilakukan oleh JPS dalam mengatasi masalah banjir di sini namun berharap dalam masa sama pembersihan longkang dapat dilakukan.

“Difahamkan projek tersebut tidak mampu menyelesaikan sepenuhnya masalah banjir di sini tetapi dapat mengurangkannya.

“Dalam masa sama MPS diminta mengambil perhatian longkang di Jalan 29 dengan melakukan kerja mengorek, membaiki dam membersihkannya kerana kekurangan penyelenggaraan menyebabkan jalan itu dan Jalan 30 serta 32 dinaiki air,” katanya.



Tambahan kolam takungan di Selayang Baru dijangka dapat mengurangkan masalah banjir di kawasan itu.